

NORHAMD KAMARUDIN
Universiti Sains
Malaysia

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PERBILANGAN DALAM ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN
DILIHAT DARI SEGI BENTUK DAN BAHASA

OLEH

SETE RAMLAH BTE LAZIS

LATIHAN ILMIAH

UNTUK MEMENUHI

SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KERUJIAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

SIDANG AKADEMIK 1985/86

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan berkat ilmu yang dianugerahkanNya, Latihan Ilmiah ini dapat diselesaikan pada waktunya.

Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Datuk Sutan Bendahara Md. Sharif Bin Fakih Hassan dan Abu Hassan Bin Ahmad yang merupakan informan saya. Kerjasama yang diberikan oleh mereka banyak membantu saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Ucapan terima kasih serta setinggi penghargaan juga dirakamkan kepada Puan Noriah Taslim selaku penyelia utama Latihan Ilmiah ini, yang banyak memberi petunjuk dan bimbingan dalam membuat Latihan Ilmiah ini pada awalnya. Juga terima kasih serta setinggi penghargaan juga dirakamkan kepada Encik Supardy Muradi yang telah sudi membimbing dan menyemak Latihan Ilmiah ini sehingga sempurna.

Saya mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada orang tua saya dengan berkat dan bantuannya saya berjaya menyelesaikan Latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kawan-kawan dan orang-orang yang membantu yang memberi dorongan

dan nasihat.

Sesungguhnya pertolongan dan budi baik semua yang berkenaan, saya tidak berupaya membalasnya, kepada Allah jua saya serahkan.

Sebagai seorang insan biasa, sudah tentu saya tidak sunyi dari melakukan kesalahan, sekiranya terdapat sebarang kesalahan di dalam Latihan Ilmiah ini maaf juga saya pinta.

SINOPSIS.

Tujuan penulisan Latihan Ilmiah ini ialah untuk mengkaji sebuah hasil puisi tradisional yang masih mendapat tempat di Negeri Sembilan dengan pengkhususan kepada bentuk dan bahasanya. Untuk itu kajian akan melibatkan pengumpulan bahan-bahan dan disusuli kemudiannya satu analisis mengenainya. Walau bagaimanapun, aspek-aspek lain mengenai perbilangan ini juga akan disentuh secara ringkasnya. Latihan Ilmiah ini dibahagikan kepada beberapa bab seperti,

Bab 1

Pengertian perbilangan yang merupakan salah satu dari puisi tradisional Melayu. Menyentuh serba ringkas mengenai sejarah Adat Perpatih, juga bagaimana kajian dibuat dan pentingnya mengkaji perbilangan ini.

Bab 2

Melihat tema perbilangan ini. Dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sistem politik, ekonomi dan sosial. Dari segi politik, perbilangan menunjukkan corak pentadbiran yang dijalankan di dalam masyarakat Adat Perpatih serta konsep dan kuasa seorang pemimpin. Sistem ekonominya pula adalah berasaskan kepada pertanian di samping menggalakkan masyarakatnya keluar merantau. Manakala dari segi sosial pula menyentuh mengenai aturan hidup bermasyarakat di samping hal-hal yang bersabit dengan adat-istiadat yang banyak diamalkan di dalam masyarakat Adat Perpatih.

Bab 3.

Adalah bahagian yang paling penting sekali di dalam analisis ini. Menganalisis bentuk perbilangan adalah begitu menarik kerana sebagai salah satu daripada puisi tradisional Melayu yang tidak terikat kepada bentuk-bentuk konvensional. Bentuknya adalah tersendiri di samping terdapat lain-lain bentuk puisi seperti pantun, talibun, syair, bidalan, perumpamaan dan seloka.

Bab 4.

Bahagian ini juga penting kerana unsur-unsur bahasa yang digunakan akan dikaji secara terperinci. Perbilangan adalah puisi tradisional Melayu yang kaya dengan falsafah dan unsur-unsur pengajaran, dengan itu pemilihan kata-kata adalah paling penting. Unsur-unsur bahasa yang lain seperti perlambangan, gaya bunyi, perulangan, pembalikan, antonim, frasa kodi dan bahasa berirama juga terdapat di dalam perbilangan yang dipilih. Unsur-unsur bahasa yang digunakan adalah perlu dilihat kerana perbilangan merupakan puisi tradisional yang amat tinggi nilainya dan amat berguna untuk dijadikan pedoman, nasihat dan pengajaran.

Bab 5.

Kesimpulan mengenai perbilangan ini. Bentuk dan bahasa yang menarik di dalam perbilangan ini tidak ditelan zaman sebaliknya proses kesinambungannya terus berlaku hingga ke hari ini. Ini terbukti dengan adanya penterapan nilai-nilai dan gaya perbilangan di dalam puisi-puisi mutakhir.

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman.</u>
Halaman Judul		i
Penghargaan		iii-iv
Sinopsis		v -vi
Kandungan		vii-ix
Senarai Lampiran		x
Bab 1 : Perbilangan Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan.		1 -24
1.0 : Pengenalan		1
1.1 : Pengertian Perbilangan dan Adat Perpatih		2 -4
1.2 : Sejarah Adat Perpatih		4 -14
1.3 : Bagaimana kajian dibuat		14 -17
1.4 : Pentingnya Mengkaji Perbilangan Adat		17 -24
1.5 : Kesimpulan		24
Bab 2 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Temanya		25 -59
2.0 : Pengenalan		25
2.1 : Aspek Politik		25 -33
2.2 : Aspek Ekonomi		33 -40
2.3 : Aspek Sosial		40 -58
2.3.1 : Susunan Masyarakat		40 -49
2.3.2 : Aspek Adat-Istiadat		49 -58
2.3.2.1 : Pertunangan		50
2.3.2.2 : Perkahwinan		51 -52
2.3.2.3 : Perceraian		52 -53
2.3.2.4 : Berkedim		53 -55
2.3.2.5 : Jenayah		55 -58
2.4 : Kesimpulan		58 -59

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
Bab 3 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Bentuk		60 -84
3.0 : Pengenalan		60 -61
3.1 : Bentuk Perbilangan Secara Umum		61 -65
3.2 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Pantun		65 -69
3.3 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Talibun		69 -70
3.4 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Syair		70 -71
3.5 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Gurindam		71
3.6 : Perbilangan Yang Mengikut Bentuk Peribahasa		72 -73
3.7 : Caesure atau Jeda		73 -75
3.8 : Analisa Perbilangan Mengikut Tema		75 -79
3.9 : Perseimbangan Di-Dalam Bentuk		80 -83
3.10: Kesimpulan		83 -84
Bab 4 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Bahasa		85 -130
4.0 : Pengenalan		85 -88
4.1 : Pemilihan Kata atau Diksi		88 -100
4.2 : Perlambangan		100-110
4.3 : Gaya Bunyi		110-114
4.3.1 : Aliterasi dan Asonansi		110-113
4.3.2 : Intonasi		113-114
4.4 : Perulangan		115-123
4.5 : Unsur-Unsur Bahasa Yang Lain		123-128
4.5.1 : Inversi atau Pembalikan		123-124
4.5.2 : Antonim		124-125
4.5.3 : Frasa Kodi		125-126
4.5.4 : Dialek		126-127
4.5.5 : Bahasa Berirama		127-128
4.6 : Kesimpulan		128-130

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
Bab 5 : Kesimpulan		131-141
Lampiran		142-163
Glosari		164-166
Bibliografi		167-174

Senarai Lampiran.

<u>Perkara</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Halaman</u>
1)	Peta Sumatera dan Malaysia Barat Memperlihatkan Daerah-Daerah Adat Perpatih	141a
2)	Peta Malaysia Barat Memperlihatkan Daerah Adat Perpatih di Negeri Sembilan dan Melaka.	142
3)	Peta Daerah-Daerah Adat Di Negeri Sembilan	143
4)	Kriteria Pemilihan Informan	144
5)	Soalan-Soalan Yang Dikemukakan Kepada Informan	145-147
6)	Biodata Informan	148-149
7)	Senarai Perbilangan Mengikut Tema.	150-163

Bab 4 : Perbilangan Dilihat Dari Segi Bahasa.

4.0 Pengenalan.

Perbilangan merupakan salah satu daripada puisi tradisional Melayu. Oleh itu perbilangan ini mempunyai gaya yang tersendiri. Gaya dalam genre sastera boleh ditakrifkan seperti berikut,

Style is the manner of linguistic expression in prose or verse it is how a speaker or writer says. The characteristic style of work or writer may be analysed in terms of its diction, or characteristic choice of words; its sentence structure and syntax; the density and types of its figurative language; the patterns of its rhythm and of its components sound; and its rhetorical aims and device (M.H. Abrams 1981, 165-166).

Gaya yang akan ditinjau dalam perbilangan ini adalah mengenai penggunaan bahasanya. Bahasa yang digunakan oleh perbilangan adalah bahasa yang telah dipilih dan difikirkan mempunyai nilai serta mutu dan disampaikan pula di dalam bentuk yang tertentu, seperti dipertegasakan oleh petikan berikut,

Bahasa dalam puisi lama bukanlah terdiri dari kata-kata biasa tetapi harus istimewa, bertenaga dan bersifat magis kerana puisi lama berfungsi untuk menasihati, mengubat penyakit, memberi keyakinan, menjaga keselamatan, menghibur atau menjalankan upacara (Baharudin Zainal 1973, 245).

Pengkajian bahasa dalam perbilangan Adat Perpatih ini akan melibatkan pilihan dan penyusunan kata-kata ataupun pembentukan ayat-ayatnya. Dengan kata lain, ianya melibatkan perbincangan mengenai fonologi, lexikologi dan sintaksisnya. Pembicaraan sedemikian rupa diterapkan bertujuan untuk menjelaskan bagaim-

mana dari susunan bunyi, pilihan kata-kata dan pembentukan ayat-ayat di dalam seuntai perbilangan itu dapat menimbulkan nilai keindahan puisinya. Maka dengan jalan inilah dapat diketahui adakah perbilangan ini mempunyai ketinggian nilai puisi atau sebaliknya.

Dalam perbilangan Adat Perpatih terdapat penggunaan berbagai poetic devices. Ini termasuklah perlambangan dan lain-lain. Perlambangan ini mengandungi simile, imej dan lain-lain. Perbilangan sebagai puisi tradisional yang menggambarkan nilai-nilai hidup masyarakatnya yang kaya dengan falsafah, pengajaran dan nasihatnya terselindung di sebalik lambang dan perlambangan yang dipilih. Jadi amatlah perlu dan patut melihatnya dari segi gaya kerana gaya itu sendiri merangkumi lambang di dalamnya. Kedudukan lambang di dalam perbilangan amat besar peranannya seperti ditegaskan oleh Zurina,

Perlambangan dalam puisi tidak hanya mengindahkan sesebuah puisi tetapi melalui lambanglah seseorang penyair dapat menyampaikan sesuatu dengan lebih berkesan lagi. Ianya tidak hanya mempunyai fungsi decorative tetapi juga menguatkan lagi sesebuah puisi (Zurina Hassan 1972, 43).

Perbilangan yang terdapat di dalam masyarakat Adat Perpatih berpunca dari amalan pertanian serta hidup yang sentiasa bergelumangan dengan lumpur, maka perbandingannya adalah berasas dari amalan tersebut. Kehidupan yang rapat dengan alam ini telah mempengaruhi proses penciptaan di mana fenomena alam telah diambil mengesankan sesuatu perbilangan. Jadi lambang-lambang dari imej alam seperti tumbuh-tumbuhan,

binatang begitu banyak dan jelas terdapat di dalam mana-mana perbilangan sekalipun.

Gaya bunyi atau phonostylistic adalah penting bagi sesebuah puisi. Gaya bunyi ini dapat memainkan peranan meninggikan mutu puisi di samping memberi daya tarikan dan daya kesan kepada puisi itu. Dalam tradisi lisan, di mana hasil-hasil sastera disampai dan disebarkan melalui pertuturan (iaitu sebelum wujudnya sastera tulisan), maka gaya bunyi adalah penting untuk menarik pendengar-pendengar dan peminat-peminatnya. Telinga akan lebih senang mendengar bunyi-bunyi yang lembut dan berirama. Bunyi-bunyi perkataan mempunyai implikasi yang kuat dan dapat menjadikan sesebuah puisi itu sama ada berbau romantik, lembut atau keras.

Dalam perbilangan Adat Perpatih, gaya bunyi adalah penting, sebagai sastera tradisi yang disampaikan secara lisan maka keindahan bunyi adalah penting bagi menarik para pendengarnya. Dalam hubungan ini terdapat penggunaan aliterasi dan asonansi bagi menimbulkan bunyi yang berirama supaya sedap didengar di samping menjelaskan makna dan menjelmakan rasa dihati penuturnya.

Di samping itu terdapat perulangan kata-kata atau cliché bagi menimbulkan kesan yang pasti pada pendengarnya. Di dalam perbilangan terdapat banyak perulangan perkataan bagi mengindahkan bunyi di samping memberi penegasan kepada makna atau pengertian yang terdapat di dalam perbilangan itu. Tugas-

nya adalah supaya penyampaian sesuatu maksud, pedoman, nasihat dan amalan hidup pada masyarakatnya dapat diberikan dengan teratur, berkesan dan menyenangkan serta lancar.

Unsur-unsur bahasa ini penting dan tidak berdiri sendiri sebaliknya sandar menyandar dan saling berfungsi sehingga sekaliannya mewujudkan suatu bentuk yang bersatu. Betapa perlunya unsur-unsur bahasa tersebut bagi kepentingan makna dan keindahan bunyi yang penuh dengan falsafah, pedoman, pengajaran dan nasihat jelas tergambar di dalam perbilangan berikut,

(116) 1:4/1
Kata adat banyak kiasan,
Di tunjuk dia tetapi bukan,
Bergulung pendik panjang direntang,
Tak faham kalau tak direnungkan.

107: 4/29

~~102-1~~
102-1

Perbilangan di atas mengandungi 'banyak kiasan' dan 'Tak faham kalau tak direnungkan'. Maka dapatlah dimengertikan bahawa bahasa di dalam perbilangan Adat Perpatih begitu banyak melahirkan kehalusan rasa yang diimbangi oleh ke luasan, ke dalaman serta ketajaman pemikiran masyarakat yang melahirkannya. Semua ini adalah disebabkan oleh adanya pemilihan, pembentukan dan penyusunan kata-kata yang dilakukan secara sedar dan teliti. Demikianlah akan kita lihat selanjutnya melalui perbilangan dalam Adat Perpatih ini.

4.1 Pemilihan Kata Atau Diksi.

Diksi adalah salah satu unsur yang penting bagi setiap jenis puisi,

Diksi dihubungkan dengan usaha pengarang mencari perkataan-perkataan yang tertentu bagi ciptaannya-baik perkataan-perkataan itu bersifat abstrak (mujarab) mahu pun konkrit, bahasa sastera mahu pun bahasa hiasan bersifat denotatif. Pemilihan kata penting bagi menentukan sejauh mana pengarang mempunyai daya cipta yang asli dan juga memberikan kesan dan fahaman (Ali Ahmad 1971, 38).

Dalam perbilangan Adat Perpatih, pemilihan kata dan kata-kata adalah penting bagi menjelaskan makna, ketepatan serta keutuhan maknanya. Setiap penggunaan perkataannya tidak boleh atau tidak mungkin boleh ditukar ganti dengan kata atau perkataan-perkataan lain. Cuba lihat pada perbilangan berikut,

(M) 2. 2/1 Hidup dikandung adat,
Mati dikandung tanah.

108 : 2/22

103-2

Perkataan 'dikandung' yang dipilih pada perbilangan di atas dan diulang penggunaannya adalah amat sesuai dengan perbilangan tersebut. Perkataan 'dikandung' ini kalau diganti dengan perkataan lain seperti 'Hidup dilindung adat' akan menyebabkan perbilangan ini hilang keutuhan maknanya yang menjadi inti pernyataan perbilangan adat ini.

Penggunaan perkataan 'dikandung' adalah bertujuan untuk menepati konsep 'Bunda kandung' iaitu ibu yang melahirkan anggota masyarakat bakal pendukung dan pengekal Adat Perpatih. Malah konsep ini dapat juga dihubungkan dengan peristiwa yang berlaku dalam metos kemunculan dan perkembangan adat itu sendiri.

Antara metos-metos itu ialah bahawa pada suatu ketika bahtera

"Datuk Perpatih yang bernama 'Geliung Panjang' tidak dapat dilancarkan ke laut kerana dipanah oleh 'Jin Sakti Muna'. Untuk melancarkannya terpaksa digalangkan di bawah bahtera itu 'perempuan yang mengandung sulung'. Dan peristiwa yang penuh pengorbanan ini dilakukan oleh anak perempuan 'Puteri Sri Banun', iaitu anak saudara kepada Datuk Perpatih"

(Dharmawijaya, Seminar 1984, 5). Di sini penggunaan perkataan 'dikandung' adalah dari pancaran perasaan serta pemikiran yang selaras dengan 'Bunda kandung' dan 'mengandung'.

Perkataan ini adalah bersesuaian dengan Adat Perpatih yang mengamalkan konsep "Matrilineal" yang lebih memberatkan kepada nisab keturunan pada sebelah ibu. Jadi pemilihan perkataan 'dikandung' adalah merangkumi makna bagi perbilangan tersebut.

Terdapat juga pemilihan perkataan yang sukar diertikan kalau tidak memahami akan perkataan tersebut. Contohnya dapat dilihat pada perbilangan berikut,

112
✓ Majlis di tepi air,
Merdesa di perut kenyang.

109. 2/23

104-3

Perkataan 'majlis' dan 'merdesa' di sini membawa pengertian yang jelas dan tetap maknanya. 'Majlis' membawa erti 'bersih' dan 'merdesa' membawa erti 'bersopan santun'. Pemilihan kedua-dua perkataan ini membawa erti yang amat mendalam bagi menerangkan konsep ekonomi tuntutan Adat Perpatih. Kalau tidak memahami ertinya, maka perbilangan ini tidak membawa apa-apa erti langsung. Begitulah perbilangan dalam Adat Perpatih kalau tidak difahami maksud sesuatu itu, maka tidak bermakna atau dimengertikan perbilangan tersebut. Kalau telah difahami maka

maknanya adalah utuh dan jelas serta dalam dan amat bersesuaian dengan perbilangan tersebut.

Selain daripada pemilihan perkataan yang susah hendak dimengertikan maknanya, terdapat juga pemilihan kata yang membina penyusunan baris-baris dalam rangkap perbilangan ini yang membawakan makna yang mendalam dan memberi kesan pada perasaan serta pemikiran yang amat menarik sekali. Di antara contohnya seperti pada perbilangan berikut,

(113) 4: 4/2 Yang jauh berpanggilan
Yang dekat berimbauan
Yang jauh sudah datang
Yang dekat sudah tiba (M. Taib Osman 1975, 150).

110 : 4/30

108-54

(114) 4: 4/3 Bersuku berwaris
Jauh pun ada, dekat pun ada
Jika jauh didengar-dengarkan
Jika dekat dipandang-pandangan (Nordin Selat 1982, 29).

111 4/31

108-55

Kedua rangkap perbilangan di atas adalah perbilangan yang menjadi pedoman hubungan kekeluargaan atau persaudaraan di dalam masyarakat Adat Perpatih. Dalam kelaziman dan kenyataan hidup seharian, sudah pastilah hubungan kekeluargaan di kalangan keluarga yang tinggal jauh tidaklah sebaik atau seakrab keluarga yang dekat. Tetapi dalam sistem hidup Adat Perpatih, hubungan kekeluargaan yang jauh atau yang dekat adalah sama sahaja. Penyusunan baris-baris pada perbilangan ini memberikan nilai dalam hidup bermasyarakat serta sikap hidup yang penuh bererti yang diamalkan oleh masyarakatnya. Ini jelas membayangkan ketulusan serta ketinggian budi anggota masyarakat dalam Adat Perpatih yang sentiasa menghormati dan memuliakan keluarga yang jauh di samping

keluarga yang dekat. Terbukti apabila 'yang jauh' didahulukan dalam penyusunan baris dalam kedua-kedua rangkap perbilangan tersebut.

Selain dari penyusunan baris-baris yang begitu teliti dan membawa pengertian yang banyak, terdapat juga pemilihan dan pembentukan kata yang menggunakan imbuhan seperti 'se', 'se...an', 'me', 'meng...an' dan 'ber' seperti terlihat pada perbilangan berikut,

(112)

6: 4/4

Sehalaman sepermainan
Seperigi sepermandian
Segayang sepergiliran
Sejamban seperulangan

(Md. Din Ali 1957, 71).

112: 4/32

(107-8) 6

Pada perbilangan di atas, pemilihan penggunaan imbuhan 'se' dan 'se...an' adalah amat sesuai dan tepat dengan maksud yang terhimpun pada perbilangan itu. Kalau penggunaan imbuhan tersebut tidak dimasukkan, maka perbilangan ini tidak akan membawa apa-apa pengertian. Kesesuaian dan ketepatan perbilangan ini adalah tentang hubungannya yang memperkuat kesan pernyataan semangat 'kekitaan' dan bersatu padu, iaitu nilai-nilai hidup yang dipegang teguh oleh setiap anggota pendukung adat ini.

Selain dari imbuhan 'se' lihat pula penggunaan imbuhan 'me' dan 'meng...an'; di antaranya seperti yang terdapat pada perbilangan berikut,

(116)

7: 3/1

Mengheret membentang
Menunjuk mengajari
Menegur menyapa

113: 3/15

(108-8) 7

(112)

8: 3/✓

Melindungi mengendapkan
Pecah menghilangkan
Mencatatkan

114: 3/16

(109-8) 8

Penggunaan imbuhan 'me' pada perbilangan ini membawa pengertian yang dalam. Dengan penggunaan imbuhan 'me' menguatkan lagi konsep tanggungjawab bagi seseorang individu itu. Tanpa imbuhan 'me' di dalam perbilangan ini, erti dan konsepnya tidak terpenuh. Penggunaan imbuhan 'me' adalah bersesuaian bagi memenuhi konsep perbilangan yang cuba mengingatkan setiap individu akan tanggungjawab masing-masing untuk memberi nasihat kepada setiap anggota masyarakat lainnya.

Imbuhan 'ber' pula dapat dilihat pada perbilangan berikut,

Berlukis berlembaga
 Bertiru bertauladan
 Berukur berjangka
 Bertunggul berpemaran
 Berbaris berbelas
 Bersesap berjerami
 Bercupak bergantang
 Berbungkal berneraca

Penggunaan perkataan-perkataan yang berimbuhan 'ber' adalah bagi memberikan kesan yang puitis pada baris perbilangan pada rangkap tersebut. Di samping itu untuk menekankan makna.

Ketiadaan imbuhan 'ber' perbilangan ini tidak akan membawa maksud 'mempunyai' atau 'ada'. Sudah pastilah perbilangan tersebut tidak akan bermakna kalau disebut sedemikian,

lukis lembaga
 tiru tauladan
 ukur jangka

Jadi tugas imbuhan 'ber' pada perbilangan ini adalah bagi memberikan makna yang mendalam, bererti dan berkesan.

Pemilihan kata-kata atau diksi di dalam perbilangan Adat

Perpatih adalah terperinci, sesuai dan tepat bagi sesuatu keadaan. Ada banyak dari perbilangan ini telah menjadi standard cliche bagi masyarakat Melayu pada masa ini. Cliche adalah,

"... for the stereotype used in printing, signifies an expression which deviates enough from ordinary usage to call attention to itself and has been used so often that it is felt to be hackneyed or cloying ..." (M.H. Abrams 1981, 25).

Perbilangan yang terdapat dalam Adat Perpatih itu adalah bersesuaian dan bertepatan maknanya untuk menjadi pedoman, panduan dan nasihat bagi masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Perbilangan selalu juga menjadi pilihan bagi memberi nasihat di dalam hidup bermasyarakat di luar Adat Perpatih pada masa ini. Di antara perbilangan yang lumrah digunakan adalah seperti,

11. 3/4 Ular dipalu biar mati
Kayu pemalu jangan patah
Tanah dipalu jangan lebang.

Perbilangan ini bertujuan menegakkan keadilan di dalam masyarakat. Keadilan adalah amat penting dan menjadi tuntutan hidup bermasyarakat Adat Perpatih seperti juga bagi mana-mana masyarakat di dunia ini. Pemilihan perkataan adalah bersesuaian, tepat dan bernas bagi menegaskan konsep keadilan tersebut, sehinggakan ianya bersesuaian digunakan zaman berzaman.

Terdapat banyak perbilangan di dalam Adat Perpatih yang agak cliche' yang diamalkan oleh masyarakat dahulu hingga ke hari ini di antaranya,

12. 3/5 Harimau mati meninggalkan belang
Gajah mati meninggalkan gading
Manusia mati meninggalkan nama

Perbilangan ini bertujuan menggalakkan masyarakatnya supaya membuat jasa semasa hayat masih ada. Pemilihan kata-kata atau diksi yang diambil dari binatang dan dibandingkan dengan manusia adalah beresuaian dan bertepatan. Di samping unsur-unsur di atas, perbilangan ini juga mengandungi ciri-ciri sindiran yang halus bagi membawa konsep menggalakkan manusia berjasa dalam hidup.

Begitu juga perbilangan-perbilangan yang membawa konsep persamaan dan bekerjasama dalam masyarakat adalah menjadi amalan biasa bagi masyarakat hari ini. Di antara perbilangan-perbilangan tersebut antaranya adalah seperti berikut,

(122)	13: 2/3	Berat sama dipikul Ringan sama dijinjit	12	119: 2/24	(113-13)
(123)	14: 2/4	Ke bukit sama mendaki Ke lurah sama dituruni	11	120: 2/25	(114-14)
(124)	15: 2/5	Hati gajah sama dilapah Hati kuman sama dicecah	14	121: 2/26	(115-15)

Perbilangan di atas selalu disebut-sebut di dalam hidup masyarakat hari ini. Ianya adalah menggalakkan masyarakat supaya hidup bersatu dan sentiasa bekerjasama antara satu sama lain.

Manakala perbilangan berikut kerap dijadikan penyelesaian bagi sesebuah cerita sama ada prosa (novel atau cerpen) maupun drama,

(125)	16: 2/6	Sesat di hujung jalan Balik ke pangkal jalan	122	2/27	(116-16)
-------	---------	---	-----	------	----------

Perbilangan ini menggalakkan anggota masyarakat yang tersalah tatkala meneraju hidup supaya membetulkan arah dan tujuan

hidupnya sebelum terlambat. Perbilangan ini adalah menjadi amalan di dalam kehidupan masyarakat hari ini. Tidak kurang pula cerpen dan novel yang membawa tema berasaskan kepada perbilangan tersebut.

Satu lagi perbilangan yang begitu ghairah digunakan oleh masyarakat pada masa ini ialah,

Sediakan payung sebelum hujan

Semua anggota masyarakat kita tentu sudah biasa dan faham dengan perbilangan di atas. Perbilangan ini menggalakkan masyarakat supaya beringat-ingat dalam hidup sebelum dilanda kesusahan di antaranya seperti berjimat cermat dan sebagainya.

Begitu juga perbilangan berikut,

17. 7/7 Di mana bumi dipijak
Di situ langit dijunjung

123 2/28

117-17

127 7/8 Masuk kandang kerbau menguak
Masuk kandang kambing mengembik

124 2/29

118-18

Perbilangan ini menggalakkan anggota masyarakatnya mematuhi segala peraturan semasa berada di sesuatu tempat supaya kita disenangi, murah rezeki dan diterima oleh masyarakat itu.

Antara lain perbilangan ini bertujuan mengelakkan berlakunya sebarang perselisihan faham. Perbilangan ini menjadi ingatan bagi perantau supaya mematuhi segala peraturan dan cara hidup yang telah ditetapkan atau ikatan masyarakat setempat.

Begitulah di antara perbilangan yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat pada masa ini. Pemilihan segala perkataan atau diksi di dalam perbilangan tersebut adalah bersesuaian diguna-

kan oleh masyarakat tersebut, tidak kira pada masa ia dicipta sehingga ke hari ini. Begitulah betapa berhati-hatinya masyarakat Adat Perpatih memilih kata-kata bagi setiap perbilangan supaya membawa pengertian yang mendalam, bernas dan bersesuaian sepanjang zaman.

Dalam pemilihan kata-kata ini tidak boleh juga dilupakan satu lagi unsur bahasa yang penting iaitu nada dan suasana. "Nada" adalah dihubungkan dengan sudut pandangan, isi hati dan sikap yang dilahirkan oleh si pencipta karya. Ia boleh difahamkan sebagai hasil dari motivasi yang ada di dalam diri si penciptanya, untuk penjelasan lanjut nada adalah,

"... the reflection of writer attitude (especially towards his readers), manner, mood, and moral outlook in his work; even perhaps, the way his personality pervades the work, the counterpart of the tone voice in speech, which may be friendly, detached, pompous, officious, intimate, bantering and so fort"(J.A.Cuddon 1977, 682-683).

Perbilangan tetap berteraskan kepada nada yang berbagai ragam mengikut penggunaannya. Ada yang membawa nada ironis, tegas, sinis, melankolik dan sebagainya dengan mengikut suasana dan keadaan semasa ia dituturkan. Kebanyakan perbilangan yang berbentuk seimbang mempunyai nada tegas dan ironis kerana ianya mengandungi falsafah-falsafah hidup dan sudah pastilah ia bertujuan memberi pengajaran secara halus dan informal.

Dalam perbilangan yang menukilkan soal-soal politik, baris-barisnya akan mengandungi banyak perkataan. Nadanya pula adalah tegas dan ironis kerana bertujuan mengambar atau menerang-

(128) kan mengenai pentadbiran. Lihat perbilangan berikut,

125/30
119-19
15: 7/9 Kalau keruh air di hulu
Sampai ke muara keruh jua

Perbilangan ini walaupun membawa suasana yang lembut tetapi nadanya ironis dan sinis terhadap sikap pemimpin yang tidak bertanggungjawab maka masyarakat yang dipimpinnya juga akan kalau bilau.

Bagi menerangkan tentang kehidupan berekonomi pula, baris-baris perbilangan agak pendek di samping menyerap bentuk-bentuk puisi lain seperti pantun dan syair. Adunan ini adalah bertujuan menimbulkan suasana yang harmonis. Nadanya melankolik bagi memberi nasihat dan pandangan kepada anggota masyarakatnya, maka seharusnya dalam hal ini perbilangan ini seolah-olah seperti memujuk dan merayu. Ini dapat dilihat contohnya pada perbilangan berikut,

(129) 20: 7/10 Hilang rupa dek penyakit.
Hilang bangsa dek tak beremas

126: 2/31

170-20

Perbilangan di atas adalah bernada melankolik yang bersesuaian untuk memberi nasihat.

Aspek sosial juga mempunyai perbilangan yang banyak dan nadanya juga beragam. Bagi memberi pengajaran kepada masyarakatnya maka banyak perumpamaan dan bidalan diselitkan dalam bentuknya. Sudah semestinyalah perbilangan dalam aspek ini mempunyai nada yang ironis dan sinis bagi memberi pengajaran secara halus kepada masyarakatnya. Dalam aspek istiadat seperti pertunangan, perkahwinan dan jenayah nadanya adalah tegas kerana ianya mencakupi persoalan undang-undang yang tidak

bertulis di dalam masyarakat supaya mudah difahami dan jelas dengan maksud-maksud yang tersirat. Ini dapat dilihat pada perbilangan berikut,

(130) 127 3/20 121-21
Pelesit dua sekampung
Sebatang enau dua sigai
Kapal dua nakhoda

Perbilangan di atas membawa nada ironis di samping tegas. Ketegasan perbilangan ini dapat memberi amaran, ugutan dan ingatan kepada masyarakat orang semenda yang berkelakuan tidak senonoh atau di luar ikatan tertib adat.

Kebanyakan perbilangan adalah mempunyai nada yang ironis dan tegas. Pemilihan kata perlu berhati-hati supaya dapat menimbulkan suasana dan nada yang tertentu sebab perbilangan adalah kata-kata yang mempunyai falsafah, pengajaran, pedoman dan undang-undang yang perlu difahami oleh masyarakatnya. Suasana semasa perbilangan itu dilafazkan adalah dalam situasi atau keadaan-keadaan yang penting seperti dalam sesuatu upacara, mengadili sesuatu hal atau memberi nasihat dan bimbingan.

Pemilihan kata adalah perlu sekali dilakukan penuh hati-hati supaya jelas maksud yang hendak disampaikan dan difahami oleh semua tanpa salah faham. Jika dianalisis perbilangan dalam Adat Perpatih ini terdapat ekonomi dalam pemakaian kata-kata. Kebanyakan mempunyai perkataan dan sukurata yang ekonomis dalam sebaris tetapi mempunyai makna yang bernas dan lengkap. Lihat pada perbilangan berikut,

(131) 128 6/15 122-22
Luak berpenghulu,
Rantau beraja,
Suku bertua,

Rumah berbuapak,
Berjinjang naik,
Bertangga turun.

Perbilangan ini dapat menerangkan mengenai sistem pentadbiran walaupun dengan dua perkataan sebaris.

Kesimpulan.

Begitulah dari beberapa ciri pemilihan, pembentukan dan penyusunan kata-kata dalam perbilangan Adat Perpatih yang jelas menggambarkan kemahiran dan kecekapan penciptanya. Melalui pemilihan kata-kata yang tertentu dan penyusunan yang amat teliti lagi teratur, maka telah menghasilkan bahasa yang bertenaga yang di dalamnya terjalin perasaan yang halus serta ketinggian nilai kebijaksanaannya.

4.2 Perlambangan.

Perbilangan dalam Adat Perpatih banyak menggunakan perlambangan bagi menerangkan corak kehidupan, sistem pentadbiran serta sistem ekonomi masyarakatnya. Pada dasarnya lambang dapat diertikan seperti berikut,

Lambang puisi adalah merupakan penganjuran daripada yang simple kepada yang lebih luas dan imaginatif dan kompleks. Lambang di dalam ekspresi puisi adalah merupakan pintu ke arah alam imajinasi yang lebih luas dan tidak terbatas, namun membatasi ke arah daerah yang konkrit. Ini bermakna lambang di dalam puisi adalah satu referent yang tepat (iaitu membatasi ke daerah yang konkrit) kepada sesuatu yang tidak pasti (iaitu tidak membatasi kepada sesuatu) dengan ertikata lambang itu membatasi kepada pengertian tetap, melahirkan kemungkinan-kemungkinan sesuatu bagi mempernyatakan dan membayangkan sesuatu yang lebih luas dan terkeluar daripada

objek yang dijadikan lambang itu (Ismail Ahmad 1971,45).

Dalam perbilangan Adat Perpatih, penggunaan lambang sebagai gaya bahasa yang menggerak dan mencuit perasaan dan pemikiran begitu banyak diambil dari fenomena alam. Hal ini ada kaitannya dengan falsafah adat yang timbul dari pemerhatian, penelitian serta pentafsiran terhadap ketentuan-ketentuan alam yang hakiki dan abadi.

Masyarakat Adat Perpatih adalah terdiri daripada masyarakat petani. Perbilangan-perbilangan yang mereka cipta adalah diambil dari pengalaman hidup mereka seharian, jadi perbilangan-perbilangan itu adalah mengambil imej²⁷ dari alam sekitar yang membendung hidup seharian mereka seperti bukit, padi, lurah, gajah, ayam, aur, pembentung, sungai, pokok, ular, belut dan lain-lain.

Misalnya dari segi politik, ketokohan seseorang itu hendak memperkatakan betapa seseorang pemimpin itu adalah penting bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyatnya, berbagai-bagai imej yang digunakan, antaranya adalah imej sepohon pokok. Lihat pada perbilangan berikut,

Seperti pohon di tengah padang
Uratnya tempat bersila
Batangnya tempat bersandar

²⁷Imej adalah pembayang, diskripsi dari sudut yang dapat dilihat. Imej berkuasa membayangkan sesuatu objek atau peristiwa yang dapat ditangkap oleh pancaindera (Zurina Hasan 1972, 44).

Dahannya tempat bergantung
Buahnya untuk dimakan
Daunnya untuk berlindung

Setiap bahagian pohon itu sama ada batang, dahan, buah dan daunnya amat berguna, begitulah hendaknya seorang pemimpin itu. Segala kebijaksanaan dan kepimpinannya adalah penting bagi membawa rakyat ke arah penghidupan yang berbahagia.

Seorang pemimpin itu juga mestilah mempunyai watak yang baik. Dari alam semulajadi, imej air sering digunakan sebagai lambang bagi menerangkan sikap seorang pemimpin. Lihat

perbilangan berikut,

(133) 2 2/1 Kalau keruh air di hulu
Sampai ke muara keruh juga

130 2/32

(124-24)

Seluruh air di sungai itu akan menjadi keruh kalau di hulunya telah keruh. Begitulah dilambangkan kalau pemimpin yang tidak baik peribadinya, masakan orang-orang yang dipimpinnya akan menjadi orang yang baik, apatah lagi bagi masyarakatnya untuk menjadi sempurna adalah mustahil sekali.

Keadilan adalah penting dan ciri kepimpinan bagi seorang pemimpin. Pemimpin yang tidak adil diumpamakan sebagai buah yang separuh masam seperti yang terjelas di dalam perbilangan berikut,

(134) 3 2/2 Ibarat limau masam sebelah
Perahu karam sekerat

131 2/23

(125-25)

Pemimpin yang tidak adil telah diumpamakan seperti limau yang masam sebelah atau perahu yang karam sekerat. Sesungguhnya kedua perkara begini tidak mungkin terjadi, masakan limau boleh sebelah masam. Tentunya limau itu akan menjadi keseluruhan

masam. Begitulah imej limau yang digunakan bagi menolak pemimpin yang berlaku tidak adil atau berat sebelah seperti limau separuh masam itu.

Berbeza dengan perbilangan di atas, perbilangan berikut menggambarkan sifat teliti, adil dan bijaksana pemimpin semasa menyelesaikan masalah yang timbul,

(135) 4:3/1 Menarik rambut di dalam tepung
Tepung jangan berserak
Rambut jangan putus

132 3/21

(126-128)

Imej rambut dan tepung digunakan bagi menerangkan kebijaksanaan seseorang pemimpin menyelesaikan sesuatu masalah dengan seadil-adilnya. Kebijaksanaan ini diumpamakan seperti menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak bertaburan tumpah, menandakan betapa teliti dan hati-hati sekali tugas itu dilakukan. Begitulah sepatutnya kepimpinan yang harus dimiliki oleh setiap pemimpin.

Seorang pemimpin yang berfikiran luas amat diperlukan jika tidak kerja-kerjanya akan gagal. Ini dilambangkan oleh perbilangan berikut,

(136) 5:3/✓ Tanduk ditanam
Daging dilapah
Kuah dikacau

133 3/22

(127-27)

Imej-imej di dalam perbilangan ini adalah hasil dari pemerhatian penciptanya tentang pengendalian sebuah kenduri. Apabila kenduri dijalankan pastilah seekor kerbau akan disembelih. Sudah pastilah tanduk kerbau ini ditanam, ditakuti akan mencederakan orang lain kalau dibiarkan bersepah. Imej ini bersesuaian bagi seorang pemimpin supaya jangan mementingkan

diri sendiri. 'Daging dilapah' adalah imej yang digunakan bagi seorang pemimpin supaya dapat membedakan yang baik dengan yang buruk, tegasnya mestilah berfikiran wajar dan waras dalam segala tindak tanduknya dan bersabar selalu seperti mengasingkan daging/yang pejal dengan lemak-lemaknya. Kerja-kerja pelapahan mestilah dilakukan dengan begitu berhati-hati agar lemak dan isi dapat disisihkan. 'Kuah dikacau' adalah bermaksud seseorang pemimpin itu mestilah memimpin anak buahnya sebaik mungkin seperti gulai akan sedap kalau cukup ramuannya. Imej-imej tersebut adalah bersesuaian bagi menerangkan konsep seorang pemimpin yang berfikiran luas.

Dalam aspek sosial, banyak imej yang digunakan bagi menerangkan konsep hidup bermasyarakat. Konsep perpaduan di dalam masyarakat dijelaskan di dalam perbilangan berikut,

Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Sedencing seperti besi

Masyarakat yang bersatu padu kerap dilambangkan seperti sirih tersusun rapi, seperti serumpun serai, seciap seperti ayam dan sedencing seperti besi.

Orang semenda adalah salah satu dari masyarakat yang penting dalam Adat Perpatih. Banyak perbilangan mengenai orang semenda ini. Kedudukan orang semenda adalah dilambangkan seperti berikut,

Orang semenda dengan orang tempat semenda,
Bagai timun dengan durian,
Menggolek luka kena golek pun luka,

Kedudukan orang semenda adalah dilambangkan seperti timun dengan durian. Timun itu adalah imej bagi orang semenda sementara durian adalah imej peraturan-peraturan dalam masyarakat. Orang semenda tidak boleh melanggar peraturan tersebut samalah seperti timun yang menggolek atau kena golek akan luka juga.

Orang semenda ini ada pantangnya. Orang semenda adalah dilambangkan seperti,

(139) 8.71 Diberi satu diambil dua
Pelesit dua sekampung
Sebagai enau dua sigai
Satu kapal dua nakhoda
Mata tumbuh tiada berbenih

136: 5/10

130-30

Di dalam masyarakat Adat Perpatih seperti juga masyarakat-masyarakat lain pastilah tidak menggalakkan dan melarang sama sekali seseorang yang telah berkahwin itu, berbuat tidak baik terhadap kakak atau adik iparnya. 'Pelesit dua sekampung' melambangkan orang semenda yang berbuat curang dengan perempuan lain yang sesuku dengan isterinya di dalam kampung tersebut. 'Enau dua sigai' dan 'kapal dua nakhoda' adalah lambang yang digunakan bagi isteri yang melakukan perbuatan curang terhadap suaminya. 'Mata tumbuh tiada berbenih' adalah melambangkan anak yang dilahirkan tiada tentu bapanya atau anak yang dilahirkan di luar nikah. Begitulah imej yang digunakan bagi menerangkan pantang larang orang semenda.

Susunan di dalam hidup Adat Perpatih adalah seperti yang dijelaskan oleh perbilangan berikut,

Seperigi sepermandian

Segayung sepergiliran
Sejamban setepian

137: 3/24 131-31

Seperigi atau satu perigi, satu gayung, satu jamban adalah imej yang diambil daripada kehidupan mereka seharian. Masyarakat Adat Perpatih yang bertani pastilah bersama-sama menggunakan perigi untuk mandi, jadi semasa mandilah mereka perlu mandi bersama-sama dan bergilir. Di sinilah perlunya timbang rasa dan sikap muhibah diwujudkan.

Tumbuh-tumbuhan labu dan kundur adalah imej yang digunakan bagi mewujudkan kerjasama yang kuat di antara masyarakat. Bersama-sama menjaga pangkal tumbuh-tumbuhan ini supaya bersama-sama mendapat hasilnya. Dalam hidup bermasyarakat, digalakkan supaya bekerjasama dan tolong-menolong supaya sama-sama mendapat kemudahannya.

Masyarakat Adat Perpatih adalah masyarakat yang bertani. Alam sekitar yang berbukit, berlurah dan berlaut ini adalah menjadi imej bagi menunjukkan sikap persefahaman di antara mereka. Dalam kehidupan mereka sehari-hari yang mendaki bukit, menurun lurah, betapa susah dan senangnya maka ini dijadikan lambang bagi masyarakat itu hidup bersatu dan bekerjasama supaya kerja berat menjadi ringan. Maka timbullah perbilangan yang menggunakan imej-imej tersebut bagi melambangkan hidup bermasyarakat. Keakraban ini jelas terakam di dalam perbilangan ini,

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Yang tidak ada sama dicari
Sama sakit sama senang
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni

138 2/6/17

132-32

Lihat pula imej yang dijadikan lambang pada perbilangan berikut,

11
40 6/3

Ayam putih terbang siang
Terbang hinggap papan gendeng
Berkili-kili gadeng
Mengelebang-ngelebang laman yang luas
Berseri-seri kampung yang besar
Anak gembala rumah yang gadang

139 6/18

133-33

143

12
4 3/5

Ayam hitam terbang malam
Hinggap di rumpun pandan
Kukutnya ada tampaknya tidak (Mohd Taib Osman 1975, 157).

140 3/25

139-34

Imej utama pada perbilangan di atas adalah 'ayam putih' dan 'ayam hitam'. Pemilihan kepada kedua-dua imej itu adalah berdasarkan kepada perkembangan perasaan dan ketajaman pemikiran. Umumnya 'putih' dikaitkan dengan kesucian, kejujuran atau kemuliaan sikap hidup individu yang dalam amalannya akan membawa kepada keselamatan dan kebahagiaan masyarakatnya. Semuanya ini dapat dilihat secara jelas dan berkesan kerana kenyataannya diikuti oleh gambaran dari 'berseri-seri kampung yang besar' dan 'akan gembala rumah yang gadang' itu.

Manakala 'hitam' pula lebih menyarankan keburukan sikap hidup, seperti kecurangan, ketidak jujuratan atau kepura-puraan yang mengakibatkan kebimbangan, ketakutan, kegelisahan dan kekacauan dalam masyarakat. Ini dipertegaskan lagi melalui gambaran 'terbang malam' dan 'kukutnya ada tampaknya tidak' itu.

Simile.

Terdapat perlambangan yang dinamakan simile dalam perbilangan Adat Perpatih. Simile adalah,

"A figure of speech in which a similarity between two objects is directly expressed. Most similes are introduced by 'as' or 'like' (Thrall 1960, 460).

Manakala Abrams pula mendefinisikan simile seperti berikut,

"In a simile a comparison between two distinctly different things is indicated by the word 'like' or 'as' (M.H.Abrams 1981, 63).

Simile yang terdapat di dalam perbilangan Adat Perpatih adalah banyak, antaranya seperti di dalam perbilangan ini,

(144) Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Sedencing seperti besi

141 : 4/34

135-33

Dalam perbilangan di atas perkataan 'seperti' telah digunakan.

Sekilas pandang ia menerangkan konsep perpaduan atau betapa bersatu padunya masyarakat di dalam Adat Perpatih yang boleh diperbandingkan dengan seikat seperti sirih, serumpun seperti serai.

Seterusnya betapa masyarakat Adat Perpatih mempunyai kata sepakat dalam hidup digambarkan pada perbilangan berikut,

(145) Yang melurut bak sungai
Yang berlepak bak sawah
Yang berjalur bak jalan
Yang bersudut bak sawah

142 : 4/35

136-36

Simile digunakan pada perbilangan di atas dengan menggunakan perkataan 'bak'. Masyarakat yang bersatu padu dan bersepakat dalam semua hal adalah dibandingkan seperti sungai, sawah dan jalan.

Pada perbilangan berikut pula simile digunakan bagi menunjukkan kedudukan orang semenda dalam Adat Perpatih. Orang semenda

digambarkan seperti,

146
Bagai mentimun dengan durian
Menggolek pun luka
Kena golek pun luka
Bagai abu di atas tunggul
Dipanggil datang
Disuruh pergi

143 : 6/19

137-37

Kedudukan orang semenda adalah dibandingkan seperti mentimun dengan durian dan juga seperti abu di atas tunggul. Di sini perkataan 'bagai' adalah simile yang digunakan bagi membandingkan orang semenda itu seperti timun yang lemah manakala durian pula adalah peraturan yang mesti diikuti oleh orang semenda. Begitu juga perkataan 'bagai' adalah simile yang digunakan bagi membandingkan kedudukan orang semenda yang pandai menyesuaikan diri.

Perbandingan simile yang digunakan terdapat juga di dalam perbilangan yang membicarakan aspek sosial yang menyentuh hal-hal berhubung dengan hidup bermasyarakat.

Kesimpulan.

Oleh kerana perbilangan begitu kaya dengan unsur-unsur falsafah, sindiran-sindiran halus serta pengajaran, maka sudah semestinya perlambangan amat perlu bagi menerangkan makna dan memberi kesan yang lebih hakiki sewaktu menyampaikan sesebuah fikiran dengan cara yang agak berkesan lagi. Perbilangan-perbilangan ini kebanyakan tercipta dari imej-imej alam serta simile yang terdapat di sekitar mereka, hasil daripada kepekaan pemerhatian, pengalaman dan renungan terhadap kehidupan seharian.

Perlambangan bukan hanya berfungsi sebagai hiasan tetapi juga menguatkan lagi nilai bagi perbilangan ini.

4.3 Gaya Bunyi.

"Di antara unsur lain yang dapat dilihat di dalam sesebuah puisi yang ada kaitan dengan bunyi ialah unsur phonostylistic atau pun gaya bunyi" (Zurina Hassan 1972, 43). Bunyi ialah alat bahasa. Bahasa sebagai alat pengucapan seni sastra harus dibantu oleh bunyi yang sesuai dengan perasaan dan fikiran yang hendak dinyatakan. Bunyi-bunyi kata tidak hanya sedap pada pendengaran tetapi harus mempunyai harga atau nilai. Ia harus mengandungi erti atau perasaan. "Ada banyak gaya bunyi yang terlibat dengan unsur phonostylistic itu. Di antaranya termasuklah unsur-unsur aliterasi, asonansi, muzik dan bahasa. Demikian juga mengenai unsur kelunakan, kelembutan, kekerasan ataupun ketajaman bunyi yang dilahirkan oleh sesebuah puisi itu adalah termasuk ke dalam kelompok unsur-unsur phonostylistic" (Zainal Abdullah Mk. Othman 1975, 539). Di dalam usaha membicarakan mengenai unsur bunyi perbilangan Adat Perpatih ini unsur-unsur seperti aliterasi, asonansi dan intonasi sahaja yang akan dibincangkan.

4.3.1 Aliterasi dan Asonansi.

"Aliterasi adalah pengulangan konsonan dalam baris-baris puisi" (Rahman Shaari 1981, 3). Manakala "asonansi adalah pengulangan bunyi vokal dalam baris-baris puisi" (Rahman

Shaari 1981, 7). Kedua-dua unsur ini amat penting di dalam perbilangan Adat Perpatih kerana tradisi lisan yang disampaikan melalui pertuturan, gaya bunyi merupakan salah satu unsur menarik para pendengarnya. Jadi dapatlah disesuaikan keadaan ini dengan sebuah pandangan yang dikemukakan oleh C.F. Main dan Peter J. Searg, 'Poem, should be heard as well as seen' (Zarina Hassan 1972, 44). Pandangan yang dilahirkan oleh kedua tokoh itu dapatlah disesuaikan dengan cara menikmati perbilangan kerana ianya juga adalah puisi yang diucapkan.

Penggunaan bunyi dalam perbilangan Adat Perpatih bukanlah semata-mata untuk menjadi hiasan. Tegasnya penggunaan bunyi bukanlah sekadar membawakan atau menimbulkan kelembutan serta kemerduan untuk memberi kenikmatan atau kepuasan kepada pendengarnya semata-mata tetapi setiap penggunaan bunyi bahasa tersebut adalah perlu memainkan peranannya sebagai pendukung makna dan penjelasan rasa. Lihat pada perbilangan berikut,

Merajuk pada yang kasih,
Manja pada yang sayang,
Meminta pada yang ada,
Berkaul pada yang keramat.

44 4/36

138-38

Di dalam perbilangan ini terdapatnya unsur-unsur asonansi yang mengulang-ulangkan bunyi-bunyi vokalnya dari huruf saksi a, e, i, u²⁸ cukup banyak digunakan. Vokal a adalah yang banyak digunakan menjadikan perbilangan ini agak lembut bunyinya, bersesuaian sekali bagi tujuan memberi nasihat.

²⁸ Ada lima huruf saksi iaitu aeiou.

Lihat pula perbilangan berikut,

(145) Air segantang selubuk
Si dongkang berbunyi
Siamang berjawat-jawat
Tempat ungka mendayu-dayu
Batin yang punya

145 5/11

139-39

Perbilangan di atas terdapat perulangan bunyi vokal a, e, i, o, u. Pada baris pertama terdapat perulangan vokal a, e dan u. Baris yang kedua pula terdapat perulangan vokal i. Baris yang ketiga pula adalah perulangan vokal a. Manakala baris keempat pula adalah perulangan vokal a dan u. Perulangan bunyi u yang banyak pada perbilangan di atas adalah menggambarkan suasana yang suram dan seram kerana tempat ini adalah hutan rimba.

Ini bersesuaian dengan petikan berikut,

Bilamana di dalam bahasa itu dilakiskan sesuatu suara yang suram bunyinya biasanya dipakailah suatu kata yang juga suram suaranya dan mengandungi vokal 'u' misalnya guruh, runtuh, tubuh dan lain-lain (Hooykaas 1977, 6).

Kebanyakan perbilangan dalam Adat Perpatih mempunyai perulangan bunyi asonansi ini, kerana perbilangan adalah puisi yang bersifat lembut, bersesuaian untuk memberi nasihat, pedoman dan panduan hidup.

Selain dari gaya asonansi, terdapat juga gaya bunyi aliterasi di dalam perbilangan ini. Misalnya dapat dilihat pada perbilangan berikut,

(146) Asah segesek sehari
Asah segesek semalam
Sembilan gerijam makan (Tajul Kelantan 1958, 72).

146 3/26

140-40

Pada perbilangan di atas terdapat perulangan bunyi konsonan s. Apabila dituturkan terasakan keindahan bunyi pada

perbilangan ini.

Lihat pula pada perbilangan berikut,

Tempat si papas berulang mandi
Tempat si denkanng berulang tidur
Tempat enggang terbang lalu
Tempat ular tidur berlengkar
Tempat musang tidur bergelung
Tempat katak berbunyi malam
Tempat siamang bergegauan
Tempat ungka bersayu hati (Mohd Taib Osman 1975, 154).

147: 8/8

141-41

Pada perulangan di atas terdapat berbagai bunyi tetapi kalau diperhatikan baris-barisnya banyak dikuasai oleh bunyi r yang bergetar yang menyaranakan rasa ketakutan atau kebimbangan. Perasaan tersebut amat kuat kesannya pada baris-baris, 'tempat ular tidur berlengkar' dan 'tempat musang tidur bergelung', kerana bunyi r itu hadir dalam perkataan-perkataan 'ular berlengkar' dan 'musang bergelung'. Di sini jelas yang perbilangan itu memilih daya bunyi yang membangkitkan daya rasa.

4.3.2 Intonasi.

Dalam menganalisis gaya bunyi ini tidak boleh juga diketepikan intonasinya. Intonasi adalah,

"is the variation of pitch, or voice-melody, in the course of an utterance... the overall rise and fall of the pitch and loudness of the voice- which we use to bring out the meaning and rhetorical effect of these poetic lines (M.H. Abrams 1981, 97 dan 105)

Perbilangan adalah puisi lisan yang disampaikan secara pertuturan, dalam hal ini intonasi adalah sesuatu yang penting. Dalam menuturkan sesuatu perbilangan, si penutur biasanya memberi penekanan pada perkataan-perkataan yang penting bagi

memberikan kesan yang mendalam. Lihat contoh perbilangan di bawah,

(15) Cakap siang pandang-pandang
Cakap malam agak-agak
Cakap dekat difikir-fikirkan

148: 3/27

142-42

Intonasinya adalah ditinggikan pada siang, malam dan dekat bagi memberikan penegasan kepada masa-masa percakapan yang perlu berhati-hati. Perkataan 'pandang-pandang', 'agak-agak' dan 'difikir -fikirkan' adalah direndahkan suaranya yang ber-sesuaian untuk memberi nasihat.

Lihat pula perbilangan berikut,

(16) Janji di buat dimuliakan
Dalam janji digaduh-gadahkan
Sampai janji ditepati

149 3/28

143-43

Berbeza dengan perbilangan di atas, perbilangan ini intonasinya adalah tinggi pada perkataan 'janji', 'dimuliakan', 'digaduh-gadahkan' dan 'ditepati'. Ini adalah untuk memberi tekanan kepada perkataan janji yang penting.

Intonasi dalam perbilangan amat penting bagi menekankan perkataan-perkataan yang penting dalam sesuatu perbilangan itu.

Kesimpulannya.

Kebanyakan gaya bunyi di dalam perbilangan Adat Perpatih ini adalah bagi membangkitkan rasa keindahan, kehebatan dan akibat yang menanti apabila menyebutnya.

4.4 Perulangan.

Perbilangan biasanya disampaikan secara lisan dalam aktiviti-aktiviti adat; jadi perulangan adalah satu daripada gaya puisi yang penting. Dipertegasakan pada petikan berikut,

"... repetition is a favourite form with orators"
(Thrall 1960, 410).

Gaya bahasa ini dapat membantu menimbulkan keberkesanan rasa pengucapan dan inti pemikiran yang ingin disampaikan,

"Repetition as stylistic and poetic device gives pleasure by arousing by satisfying, or by producing surprise by failing to satisfy a sense of expectancy"
(Thrall 1960, 410).

Perulangan adalah gaya yang banyak digunakan di dalam perbilangan Adat Perpatih seperti perulangan perkataan di awal baris, di tengah dan di akhir baris. Perulangan bersifat anafora atau perulangan di awal baris adalah yang banyak sekali terdapat. Antara contohnya,

(153) Kok alim hendakkan doanya
Kok cerdik teman berunding
Kok bodoh disuruh arah
Kok kuat memikul beban
Kok buta penghembus lesung
Kok pekak membakar bedil
Kok capek penghalau ayam
Kok kaya hendakkan emasnya

150: 8/9

144-44

Perulangan penggunaan perkataan 'kok' pada setiap awal baris semata-mata untuk memberi keindahan dari segi bunyinya.

Perkataan 'kok' pada awal baris tersebut boleh digantikan dengan perkataan 'yang' ataupun 'kalau' dengan tiada mengubah

apa-apa maksudnya. Jadi di sini perulangan kata tersebut adalah untuk menjamin kepentingan keindahan dan pencernaan warna-warna tempatan mengikut kebiasaan. Berbeza pula pada perulangan di bawah ini,

(154) Turun ke laut ke bandar rukun
Tempat perahu yang bersusun
Tempat galah yang berselang seli
Tempat gayong yang berlengkang-lengkong
Tempat air yang bergelombang
Tempat ombak yang memecah
Tempat pasir yang memutih
Tempat tebing yang menjulur
Tempat tanjung yang menanjung
Tempat dagang yang keluar masuk
Tempat saudagar berjual beli

151: 11/3

145-45

Perulangan perkataan 'tempat' di sini bukanlah untuk memberi keindahan semata-mata tetapi adalah juga bagi kepentingan erti. Perkataan 'tempat' dipilih bagi memberi keterangan lanjut betapa sesuatu tempat itu sesuai bagi membuka tempat baru, baik di darat mahupun di laut. Perkataan 'tempat' tidak boleh ditukar ganti dengan perkataan-perkataan lain, takut-takut akan kehilangan maknanya.

Perulangan dari segi kepentingan erti acapkali juga di sejajarkan dengan anafora dari segi kepentingan bunyi. Misalnya pada perulangan berikut,

(155) Kunci anak kepada bapa
Kunci isteri kepada laki
Kunci luak kepada penghulu
Kunci alam kepada raja

152: 4/37

146-40

Perkataan 'kunci' yang diulang-ulang pada setiap awal baris bukan semata-mata untuk kepentingan bunyi tetapi adalah untuk kepentingan erti. Perkataan 'kunci' tidak boleh ditukar dengan

perkataan lain kerana akan merosakkan maksudnya. Perkataan 'kunci' bermaksud satu alat yang digunakan bagi menyimpan rahsia atau untuk menjaga keselamatan. Jadi perkataan 'kunci' yang digunakan adalah bersesuaian bagi menerangkan akan keselamatan anak yang terletak di tangan bapa, begitu juga keselamatan isteri terletak pada suaminya dan seterusnya. Perkataan 'kunci' berfungsi menguat dan menegaskan makna pada rangkap perbilangan ini.

Perulangan anafora atau di awal baris yang banyak terdapat pada perbilangan Adat Perpatih ini adalah untuk kepentingan erti di samping untuk keindahan bunyi.

Selain daripada perulangan kata di awal-awal baris atau anafora terdapat juga perulangan kata di akhir baris atau epistrophe²⁹ tetapi tidak banyak bilangannya. Contohnya adalah seperti berikut,

(156) Kain rabak tegal dek lenggang awak
Baju rabek tegal dek lengkok awak
Kopiah pesok tegal dek lonjak awak

153: 3/29

147-47

Perulangan perkataan 'awak' di akhir baris menekankan kepentingan erti yang dibawa. Kalau ditiadakan perkataan 'awak' itu boleh juga tetapi tidak memberi penekanan yang lebih pada seseorang itu. Perkataan 'awak' selain daripada untuk kepentingan bunyi ia juga adalah untuk kepentingan erti.

²⁹Epistrophe ialah "a figure of speech in which each sentence or clause ends with the same word" (Untuk keterangan lanjut lihat A.F. Scott 1967, 95).

Selain daripada perulangan kata di awal dan di akhir baris terdapat perulangan kata di tengah-tengah baris. Lihat pada perbilangan berikut,

(157) Sawah yang berjenjeng
Pinang yang gayu
Nyiur yang saka
Lembaga yang punya

154: 4/38

148-48

(158) Yang melurut bak sungai
Yang berlepak bak sawah
Yang berjalur bak jalan
Yang bersudut bak sawah

155: 4/39

149-49

Perulangan perkataan 'yang' dan 'bak' di atas berupaya mengawal keindahan puisi ini. Kalau ditiadakan perkataan 'yang' dan 'bak' boleh juga, ia tidak akan mengubah makna ataupun maksudnya, tetapi tidak terasakan kelembutan perbilangan tersebut. Fungsi 'yang' dan 'bak' antara lain adalah untuk memudahkan hafalan. Di sini perulangan adalah semata-mata untuk kepentingan bunyi dan ingatan penyebutan.

Namun terdapat perbezaan pada perulangan kata di tengah baris pada perbilangan yang diturunkan ini,

(159) Gedang sama gedang
Kecil sama kecil
Ke lurah sama dituruni
Ke bukit sama didaki
Terjun sama basah
Melompat sama patah
Cicir sama rugi
Dapat sama laba

156: 8/10

150-50

(160) Ke bukit menjadi tongkat
Ke laut menjadi apong
Ke darat menjadi suluh

157: 3/30

151-51

Perulangan perkataan 'sama' dan 'menjadi' pada dua rangkap perbilangan di atas bukanlah untuk kepentingan keindahan tetapi

adalah untuk kepentingan isi dan erti. Kedua-dua perkataan tersebut tidak boleh digantikan dengan perkataan lain ataupun ditiadakan, kerana ini akan menghilangkan maksud dan ertinya. Tegasnya perbilangan ini tidak berupaya membawa apa-apa maksud kalau perkataan itu ditiadakan. Perkataan 'sama' adalah sesuai pada perbilangan ini bagi menunjukkan konsep persamaan dan kerjasama.

Perulangan perkataan pada perbilangan berikut bertugas untuk menjelaskan struktur dan kandungan serta kepentingan isinya.

Lihat perbilangan berikut,

(161) Raja menobat/ di dalam alam
Penghulu menobat/ di dalam luak
Lembaga menobat/ di dalam lingkungannya
Buapak menobat/ pada anak buahnya
Orang banyak menobat/ di dalam terataknya

158: 5/12

(152-52)

Perulangan perkataan 'menobat' adalah untuk kepentingan erti pada perbilangan ini. 'Menobat' menunjukkan agihan bidang kuasa bagi tiap-tiap golongan tertentu. Perkataan 'menobat' ini juga memberi pemenggalan pada perbilangan yang dijadikan contoh itu.

Terdapat juga perulangan dua perkataan dalam sebaris perbilangan.

Lihat pada perbilangan berikut,

(162) Kata orang kata bercalon
Kata pegawai kata berhubung
Kata hulubalang kata tunggal
Kata undang kata perhiasan
Kata raja kata berlipat
Kata maalim kata hakikat
Kata adat kata nan benar

159: 7/9

(153-8)

Perulangan perkataan 'kata' di awal dan di tengah baris adalah bagi kepentingan erti di samping menjamin keindahan. 'Kata'

atau 'sesuatu yang diucapkan' adalah isi utama pemikiran bagi perbilangan tersebut. Menunjukkan kuasa, 'sesuatu yang diucapkan' oleh golongan tertentu dalam masyarakat adalah berdasarkan kedudukan sosialnya. Ini perlu difahami dan dipatuhi untuk memastikan keadilan serta kesejahteraan hidup anggota masyarakat berkenaan. Jadi, perulangan 'kata' di sini dapat memberikan tanggapan isi yang jelas dan tepat kepada para pendengarnya.

Perulangan dua perkataan pada perbilangan berikut pula adalah untuk kepentingan erti dan seterusnya untuk kepentingan pemenggalan. Lihat contoh berikut,

(163) Adat bersaudara/ saudara dipertahankan
Adat berkampung/ kampung dipertahankan
Adat bernegeri/ negeri dipertahankan

160: 3/31

154-54

Perulangan perkataan pada perbilangan di atas adalah untuk pemenggalan di samping untuk kepentingan isi. Kalau perkataan bersaudara tidak diulang, misalnya disebut begini,

(164) Adat bersaudara perlu dipertahankan
Adat berkampung perlu dipertahankan
Adat bernegeri perlu dipertahankan

161: 3/32

155-55

Tiadanya perulangan perkataan 'saudara', 'kampung' dan 'negeri' tidak menegaskan perkara tersebut. Jadi kepentingan isi adalah jelas pada perulangan perkataan berkenaan.

Selain dari kepentingan isi, keindahan dan pemenggalan, perulangan perkataan juga berupaya memperlihatkan perulangan struktur. Struktur perbilangan tersebut tidak berubah- tetap sama daripada segi isi, gaya dan bentuk.

Terdapat juga perulangan perkataan yang sama pada baris-baris yang lain dalam rangkap yang sama. Lihat pada perbilangan berikut,

(165) Penghulu beraja ke muafakat
Muafakat beraja kepada benar
Benar berdiri dengan sendirinya

162. 3/33 (156-56)

Perulangan perkataan 'muafakat' dan 'benar' di dalam perbilangan di atas adalah untuk mempertahankan 'kekuatan' maksud dan isi yang dibawa. Kedua perkataan tersebut adalah pokok yang dibicarakan di dalam perbilangan tersebut, jadi perlulah yang diulang-ulang itu diberikan penekanan yang wajar.

Adakalanya dua perkataan itu diulang-ulang sebanyak dua kali, selain dari untuk keindahan ia masih bertujuan mempertahankan erti. Lihat pada perbilangan berikut,

(166) Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi

163 : 2/34

(157-57)

Kalau disebut sekali sahaja seperti 'usang' atau 'lapuk' tentulah tidak kuat maknanya. Apabila perkataan tersebut diulang sebanyak dua kali maknanya lebih dipertegas dan ditekankan.

Adakalanya perulangan itu ditambahi dengan imbuhan tertentu bagi keindahan bunyinya dan juga kepentingan ertinya. Lihat pada perbilangan berikut,

(167) Boleh pinta-meminta
Sakit pening jenguk -menjenguk

164 : 2/35

(158-58)

Perkataan 'pinta' diulang menjadi 'meminta' dan 'jenguk' diulang menjadi 'menjenguk'. Perulangan ini sekaligus membawa perubahan kepada maknanya. Kalau perkataan 'pinta' diulang menjadi 'pinta-pinta' sudah semestinya tidak tercapai maksud

sebenarnya. Penambahan imbuhan 'me' pada perkataan tersebut membawa 'adanya tindak balas'. Jadi perulangan ini adalah untuk kepentingan erti lebih dari keindahan bunyi.

Adakalanya perulangan perkataan-perkataan yang digunakan di dalam sesebuah perbilangan itu tidak lengkap. Misalnya pada perbilangan berikut,

(168) Padi tak berpagar lalang
Kerbau tak berkandang seladang

165 2/36

159-59

Perkataan 'tak' digunakan di sini adalah dari singkatan dari perkataan 'tidak'. Ini adalah disebabkan untuk mengekalkan ciri-ciri tradisi lisan. Perulangan ini adalah untuk kepentingan bunyi semata-mata. Disingkatkan sebutannya supaya menjadi mudah dan cepat serta sedap pula apabila dituturkan dan didengar.

Kesimpulannya.

Perbilangan dalam Adat Perpatih disampaikan secara lisan dalam semua atau kebanyakan kegiatan-kegiatan adat, justeru itu perulangan adalah wajar bagi menarik tumpuan pendengar disamping menghidupkan rasa dan kesatuan pemahaman.

Perulangan tidak terjadi di dalam sebaris penuh atau serangkap penuh tetapi kebanyakannya berupa perulangan perkataan. Perulangan perkataan tersebut adalah bertujuan mengindahkan puisi tersebut disamping untuk menjamin kepentingan erti dan isi. Penumpuan demikian membuktikan yang setiap perkataan itu

timbul dari daya saringan dan kepekaan penciptanya sehingga berhasil membawakan kesan serta pemikiran yang utuh, luas dan mendalam.

4.5 Unsur-Unsur Bahasa Yang Lain.

4.5.1 Inversi Atau Pembalikan.

Pembalikan adalah suatu gaya yang terdapat di dalam puisi. Proses pembalikan di dalam bahasa biasanya menghasilkan ayat sonsang.³⁰

"... akan membalikan ayat atau rangkai kata tertentu menjadi baris yang lebih menarik dan menghasilkan kesan tertentu (Rahman Shaari 1981, 30).

Dalam perbilangan Adat Perpatih yang mementingkan keindahan bunyi di samping memberi kesan yang tertentu, terdapat juga di dalamnya gaya inversi atau pembalikan ini. Ini boleh dilihat pada perbilangan berikut,

169
Laksana sirih serumpun
Laksana nyiur setali

←
166 > 37

160 - 60

Kalau mengikut aturan sintaksis yang betul, seharusnya bilangan didahulukan daripada nama. Sepatutnya perbilangan itu adalah ditulis begini,

170
Laksana serumpun sirih
Laksana setali nyiur

167 > 38

161 - 61

³⁰ Ayat sonsang sebenarnya ayat gramatis, iaitu yang lengkap dengan subjek dan predikatnya, hanya kedudukan subjek dan predikatnya diterbalikkan (Rahman Shaari 1981, 29).

Perbilangan ini pastilah tidak menarik didengar sekiranya ditulis seperti di atas ini. Begitu juga tidak memberi kesan yang mendalam kalau disebut 'Laksana serumpun sirih'.

Dalam perbilangan gaya pembalikan ini digunakan untuk menegaskan gagasan atau pun perasaan. Tujuannya semata-mata untuk menimbulkan kesan gaya, kerana disedari bahawa bentuk yang gramatis bagi baris-baris itu kurang segar dari ukuran seninya. Di sini antara beberapa perbezaan nyata di antara bahasa puisi dengan bahasa prosa.

4.5.2 Antonim.

"Antonim bermaksud pertentangan makna" (Abdullah Hasan 1980, 24). Dalam perbilangan Adat Perpatih ini banyak pasangan antonim dipaparkan. Antonim ini dipaparkan dengan dua cara. Pertama, pasangan antonim ini diletakkan dalam baris yang sama dan sebelah menyebelah. Di antara contohnya adalah seperti berikut,

(17) Patah tumbuh hilang berganti
Bergulung pendek panjang direntang

168:2/39

(162-62)

Kedua pasangan antonim itu masih berada di dalam baris yang sama tetapi dipisahkan oleh perkataan lain. Contoh-contoh lain bagi antonim boleh dilihat di dalam perbilangan ini,

(18) Jauh pun ada, dekat pun ada

169:1/1

(163-63)

Cara yang ketiga, pula adalah dengan meletakkan pasangan antonim di dalam baris yang berlainan, ini boleh dilihat

pada perbilangan berikut,

(173) Duduk sama rendah
Berdiri sama tinggi

170 2/40

164-64

(174) Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni

171 2/41

165-65

Terdapatnya pasangan antonim ini adalah semata-mata untuk memberi keindahan kepada susunan kata-katanya, agar lebih berkesan dan puitis dari segi kemerduan iramanya. Selain daripada keindahan, ia juga memberikan kesan rasa yang mendalam.

4.5.3 Frasa Kodi (Stock Phrases).

Frasa kodi ialah frasa yang biasanya diulang-ulang di dalam sebuah genre. Rangkaian sinonim³¹ juga boleh diagihkan ke dalam frasa kodi. Kenyataan Amin Sweeney seperti di bawah diterapkan dapat menjelaskan lagi tentang peranan frasa kodi ini,

"Furthermore, list of objects may form phrases, e.g. dian, tanglung, pelita and the string of synonyms above, often fossilize into such phrases" (Amin Sweeney, 28).

rasa kodi yang terdapat di dalam perbilangan Adat Perpatih dalah seperti berikut,

(175) Melindungi mengendapkan
Pecah menghilangkan
Mencacatkan

172 3/34

166-66

Luka conget pecah berdarah

167-67

³¹ Sinonim terdiri dari kata-kata yang mempunyai makna yang sama (Abdullah Hasan 1980, 241).

176 Dekat rumah dekat kampung
Boleh pinta meminta
Sakit pening jenguk menjenguk

173 4/40

168-68

Frasa kodi di dalam perbilangan ini bertugas untuk menguatkan makna dan memberikan kesan serta keindahan bunyi bagi mencetuskan rentak yang menarik. Misalnya kalau disebut 'luka' sahaja pastilah tidak memberi kesan yang mendalam dan menerangkan ertinya dengan lebih bererti lagi. Akibatnya rentak dan irama perbilangan itu tidak lagi menawan. Kesan ke dalam rasa dan keindahan yang puitis dapat dikekalkan seandainya perbilangan itu dilagukan seperti berikut,

(177) Luka conget pecah berdarah.
Luka ditutup kain baju.

174 2/42

169-69

4.5.4 Dialek.

Perbilangan Adat Perpatih adalah berasal dari Negeri Sembilan maka sudah pastilah perbilangan ini disebut menggunakan dialek Negeri Sembilan. Misalnya dalam upacara-upacara adat melantik undang, buapak dan sebagainya, dialek ini begitu jelas dan memenuhi setiap ruang upacara. Walau bagaimanapun, perbilangan yang telah dibukukan tidak lagi ditulis menggunakan dialek Negeri Sembilan tetapi telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu baku supaya senang difahami oleh semua. Namun begitu, ada juga beberapa patah perkataan yang tidak dapat dicari ganti perkataannya dalam Bahasa Melayu baku dan masih lagi dipakai perkataan asalnya, di antara contohnya,

(178) Raja menobat di dalam alam
Penghulu menobat di dalam luak

175 2/43

170-70

Kok gadang jangan melanda 176:2/44
Kok cerdik jangan menjual

Topi pesok tegah dek lonjak ad ah kaman
Baju koyak tegah dek lenggang
Seluar sunteh tegah dek langkah 177:3/35

Tak ikut kata orang tua-tua
Tak patah tiek

178:2/45 173-73

Helah laki-laki loncor
Helah perempuan tanda ganda

179:2/46 174-74

Bersaorangan berabeh
Berkutu belah
Carian bahagi

180:3/36 175-75

Ada beberapa dialek lagi yang masih digunakan. Dialek ini terpaksa digunakan kerana selain daripada untuk keindahan bunyi, perkataan itu juga memberi ketepatan maknanya.

4.5.5 Bahasa Berirama.

Bahasa berirama banyak terdapat dalam kesusasteraan Melayu lama. Bahasa berirama yang diulang-ulang ini disebut runs. Dijelaskan seperti berikut,

Bahasa berirama mengandungi irama yang teratur dan kuat. Dalam ungkapan ini irama sangat dipentingkan, diciptakan melalui susunan baris yang pendek. Lukisannya diulang-ulang dengan berbagai-bagai perumpamaan yang mengandungi pengertian yang sama kadang-kadang kata-kata permulaannya serupa dan kata-kata dalam baris puisi itu juga mempunyai bunyi yang sama (Ismail Hamid 1986, 88-89).

Bahasa berirama ini banyak digunakan dalam cerita-cerita rakyat seperti Penglipur Lara atau Cerita-Cerita Kaba di Minangkabau.

Bahasa berirama amat digemari oleh masyarakat Minangkabau untuk sesuatu ucapan yang bercorak formal seperti berpidato atau untuk bergurau senda. Oleh kerana perbilangan adalah berasal dari Minangkabau maka bahasa berirama adalah tidak terkecuali terdapat dalam perbilangan. Ini boleh dilihat pada perbilangan berikut,

Cincang diberi pampas
Mati diberi balas
Anak dipanggil makan
Anak buah disorong balas

181 : 4/41

176-76

Lihat banyaknya terdapat perulangan perkataan di samping perulangan bunyi yang sama di hujung barisnya.

Lihat pula pada perbilangan berikut,

185 Jauh janji tujuh hari
Cacat cida di dalam janji
Sawan gila di luar janji

182 : 3/37

177-77

Terdapat perulangan perkataan 'janji' di samping mempunyai persamaan bunyi di dalam dan di hujung barisnya.

Bahasa berirama adalah salah satu unsur bahasa yang penting di dalam perbilangan. Kebanyakan perbilangan mempunyai unsur bahasa ini.

4.6 Kesimpulan.

Perbilangan di dalam Adat Perpatih merupakan puisi tradisional yang dituturkan secara lisan dan diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Sebagai puisi lisan yang kaya dengan falsafah, pengajaran, sindiran dan pedoman hidup, maka

pemilihan kata atau diksi adalah penting. Pemilihan perkataannya adalah selaras dengan konsep kejadian atau sejarahnya, bersesuaian dengan konsep hidup masyarakatnya, maka segala perkataan bagi melahirkan perbilangan tersebut sudah semestinya mempunyai makna yang tepat, utuh dan bernas. Sehingga ke hari ini, banyak di antara perbilangan tersebut telah menjadi cliché yang sesuai diamalkan oleh masyarakat pada masa itu dan kini. Kemantapan diksi perbilangan mampu bertahan sehingga kini, tidak luntur dimamah ujian zaman.

Bukan sahaja pemilihan kata yang dipentingkan, perlambangan juga sama pentingnya. Masyarakat Adat Perpatih yang hidup secara bertani dan amat rapat hubungannya dengan alam telah menggunakan imej-imej dan simile dari fenomena alam bagi menerangkan sistem politik, ekonomi dan sosial dalam hidup masyarakatnya. Imej-imej dan simile yang dijadikan lambang ini pula bukan sahaja menarik tetapi adalah bertepatan dengan apa yang dimaksudkan. Terutamanya berupaya memberikan makna yang jelas dan menepati kehendak perbilangan tersebut. Perlambangan sahaja kalau tidak diolah dengan gaya bunyi yang menarik sudah pasti tidak akan menarik jika ditutur dan didengarkan kepada masyarakatnya.

Maka supaya agar lebih menarik dan mudah diingat untuk ditutur di samping tidak membosankan pendengar, maka gaya bunyi amat dipentingkan sekali. Oleh kerana perbilangan ini dituturkan maka fungsi perulangan amat penting bagi menegas dan menekankan makna atau kata-kata yang menjadi inti di dalam perbi-

langan tersebut. Jadi perulangan begitu perlu bukan untuk membosankan pendengar tetapi adalah sebagai 'inti' yang menarik atau memberi petunjuk terhadap sesuatu perkara yang dipentingkan di dalam perbilangan berkenaan.

Unsur-unsur bahasa yang lain seperti pembalikan, antonim, frasa kodi, dialek dan bahasa berirama tidak kurang pentingnya. Setidak-tidaknya bagi melahirkan rasa keterikatan dan kesegaran bunyi supaya perbilangan ini sedap didengar di samping supaya mudah dan segera ditangkap akan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Berbagai-bagai unsur bahasa telah diadun di dalam perbilangan Adat Perpatih yang semata-mata untuk menyedapkan bunyi dan yang paling penting adalah menegaskan makna dan pengajaran yang terkandung di dalamnya.

Kriteria Pemilihan Informan.

Dalam latihan ilmiah ini, penulis telah memilih dua orang informan sahaja yang dikira begitu arif tentang perbilangan yang disampaikan secara lisan. Penulis memilih informan pertama sebab semasa lawatan ke rumah Undang Rembau, Datuk Haji Sharif yang bijak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli Persatuan Anak-Anak Negeri Sembilan (PEMANIS USM) mengenai hal-hal adat yang dikemukakan semasa majlis soal jawab di rumah kediaman Undang tersebut.

Datuk Haji Sharif juga telah dicadangkan oleh Cik Norzaiti Ujang salah seorang pegawai penyelidik mengenai kebudayaan yang bertugas di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Seremban, Negeri Sembilan semasa penulis pergi ke pejabat berkenaan. Datuk ini memang benar-benar arif mengenai adat ini kerana Datuk Undang Rembau selalu memanggil Datuk Haji Sharif di dalam upacara-upacara adat yang diadakan. Beliau juga memang terkenal dikalangan orang-orang yang mahu membuat rujukan mengenai adat ini.

Informan yang kedua pula adalah seorang yang terkenal mengenai adat ini di daerah Kuala Pilah. Kedua informan dipilih kerana kepakaran masing-masing.

Perbilangan dalam Adat Perpatih ini bukan semua orang yang tahu mengenainya. Di Negeri Sembilan hanya beberapa orang-orang tua yang terlibat dengan adat sahaja yang tahu mengenainya.

Soalan-Soalan Yang dikemukakan Kepada Informan.

Assalamualaikum Datuk.

Soalan.

Saya adalah seorang pelajar di Universiti Sains Malaysi, Pulau Pinang, seperti yang Datuk janjikan dahulu, saya ingin tahu dengan lebih mendalam lagi mengenai Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan?

Jawapan.

Adat Perpatih ini diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan juga di bahagian Naning, Melaka. Mengikut sejarahnya Adat Perpatih ini berasal dari Minangkabau, Sumatera. Banyak aspek yang terdapat dalam Adat Perpatih ini, diantaranya ialah mengenai sejarah, adat-istiadat, perbilangan, falsafah, hukum adat dan hukum jenayah. Bahagian mana yang menarik minat untuk diceritakan.

Soalan.

Apakah dia perbilangan dalam Adat Perpatih? Di sini saya ingin mengkaji dengan lebih lanjut lagi mengenainya.

Jawapan.

Perbilangan di dalam Adat Perpatih seakan-akan perumpamaan, pepatah dan bidalan yang disebut macam orang membilang satu, satu.

Soalan.

Cuba Datuk sebut perbilangan-perbilangan yang Datuk tahu?

Jawapan.

Sila lihat mengenai senarai perbilangan mengikut tema di muka surat 150-163.

Soalan.

Saya ingin tahu mengenai maksud perbilangan-perbilangan yang telah Datuk kemukakan?

Jawapan.

Sebenarnya maksud perbilangan itu tidak susah untuk difahami. Kalau diteliti, akan diketahui maksudnya. Perbilangan itu adalah untuk memberi nasihat, bimbingan, menyentuh aspek pentadbiran, adat-istiadat dan sebagainya. Paling penting dalam perbilangan ini adalah falsafah yang terdapat di dalamnya. Kalau hendak diuraikan satu persatu adalah memakan masa yang agak panjang.

Secara ringkasnya bolehlah Datuk simpulkan yang perbilangan-perbilangan tersebut memperlihatkan mengenai pentadbiran dalam masyarakat Adat Perpatih, ada Buapak, Lembaga, Penghulu, Undang dan Raja. Pihak pentadbir mestilah adil dalam memerintah.

Menggalakkan orang mudanya pergi merantau untuk mencari harta dan ilmu.

Dalam masyarakat Adat Perpatih semua anggotanya dihormati dan ada peranannya masing-masing. Menggalakkan anggota masyarakat bekerjasama seperti bergotong-royong dan hidup bersatu padu.

Penutup.

